



Seminar Manuskrip Islam

1-2 Mac, 2004
Pusat Persidangan Antarabangsa
Negara Brunei Darussalam



Tema
**MANUSKRIP ISLAM:
KEPENTINGAN DAN PENYEBARAN**

Doksologi Dalam Manuskrip

Oleh:
Prof. Madya Dr. Hj Hashim Bin Hj Abd Hamid

Anjuran:

**Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Kelolaan:

**Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri**

Tempat:

**Dewan Persidangan Utama
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Negara Brunei Darussalam.**

DOKSOLOGI DALAM MANUSKRIP¹

Oleh
Prof. Madya Dr. Haji Hashim Bin Haji Abd. Hamid
Universiti Brunei Darussalam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ وَاوَاهُ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, Maha Penyayang
Segala puji bagi Allah. Selawat dan Salam untuk junjungan mulia Rasulullah,
keluarga dan sahabat Baginda serta golongan yang berjuang mempertahankan
Islam serta yang beriman sepanjang zaman.

Kertas kerja ini melihat peranan dan kepentingan doksologi dalam manuskrip. Doksologi memang sudah wujud dalam manuskrip Melayu sebelum kedatangan dan pengaruh Islam lagi. Tetapi apabila Islam tersebar di Nusantara, maka gaya penulisan doksologi yang terdapat di dunia Arab Islam telah diteladani oleh penulis-penulis Islam Nusantara.

Dalam karya kitab Islam yang ditulis di Nusantara, doksologi adalah suatu kemastian, oleh itu kita mendapati beberapa ragam doksologi terdapat dalam mana-mana manuskrip. Doksologi adalah warisan ilmuwan Islam yang tujuannya untuk mendapat limpahan kurnia daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala, dan seterusnya mendapat berkat daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam. Tradisi ini berlanjutan dalam karya yang berunsur Islam, terutama karya agung Melayu seperti hikayat, syair malah juga kanun Melayu. Dalam hubungan ini kita melihat beberapa perbezaan dan mengapa wujud ketidaksetaraan doksologi yang terdapat dalam karya agung Melayu dengan doksologi yang terdapat dalam tulisan kitab Islam. Persoalan ini menjadi sebahagian pokok permasalahan yang akan diungkapkan dan dibahas dalam kertas kerja ini.

Tajuk kertas kerja memang suatu persoalan yang tidak menarik jika kita hubungkan dengan penelitian manuskrip, namun sebahagian kita agak tidak mengambil endah tentang kepentingan doksologi dalam mana-mana manuskrip. Mungkin yang akan diperlihatkan dalam perbincangan manuskrip ialah masalah filologi, stema, tipa induk, naskhah pegangan, isi kandungan, salasilah dan seumpamanya. Doksologi berkait rapat dengan kepakaran, latar belakang serta kedudukan penulis manuskrip berkenaan. Biarpun demikian perbincangan dalam kertas kerja ini hanyalah merupakan percubaan awal bagi

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam *Seminar Manuskrip Islam*, anjuran Jabaan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam, yang diselenggarakan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam, di Dewan Persidangan Utama, Dewan Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam, 1-2 Mac 2004.

melihat kepentingan doksologi dalam manuskrip, sama ada manuskrip itu kita golongkan sebagai manuskrip Islam, sejarah, kesusasteraan dan batu bersurat.



Virginia Matheson Hooker mendefinisikan bahawa doksologi dikatakannya sebagai selawat dan salam serta salasilah. Yusof Hashim berpendapat bahawa doksologi adalah puji-pujian kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan selawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam. Sementara makna kamus pula ialah puji-pujian atau *hymn*. Manakala golongan awam pula memahami doksologi ini sebagai mukadimah sesebuah manuskrip atau naskhah.

Di sisi para sarjana Kristian menganggap doksologi adalah bahasa yang digunakan oleh pemuka-pemuka orthodox mereka. Golongan ini mengklaim bahawa "doxology is the essence of Christian life". Maka itu, mereka menganggap "theology as doxology". Walau bagaimanapun menurut Prof. Constantine Scouteris dalam buku terbaharunya *Doxology, the Language of Orthodoxy* membuat kesimpulan bahawa "doxology is the word about glory. But glory, in the final a himself; the unmoved glory...". Beliau menambah "God is the absolute glory, glory and perfection itself". Namun di akhir buku ini beliau menegaskan bahawa "Doxology is indeed the language of those who have learned to keep silent"².


Sementara itu perkataan manuskrip itu pula berasal daripada kata Latin *manuscriptus* yang membawa makna sesuatu suratan yang ditulis dengan tangan sama ada pada kertas, kulit binatang, daun, buluh, kulit kayu dan seumpamanya. (Untuk kepentingan kertas kerja ini, maka takrif inilah yang dipegang oleh penulis).

Perlu dicatat tidak semua manuskrip mengandungi doksologi. Dan panjang pendek doksologi pula ditentukan oleh penulisnya, namun jika manuskrip itu mengkisahkan salasilah maka doksologinya lebih panjang dari doksologi biasa (contoh yang dapat diperhatikan ialah *Sejarah Melayu*, *Tuhfat Al-Nafis*, dan lain-lain. Dalam beberapa manuskrip yang dikaji oleh pemakalah kita dalam seminar ini bahawa doksologi yang terdapat dalam manuskrip yang dikaji merupakan suatu bentuk doksologi biasa sahaja. Sebagai contoh kita perhatikan Mukadimah Manuskrip Dala'il al-Khairat tertulis:

² Lihat: http://www.orthodoxresearchinstitute.org/articles/dogmatics/scouteris_doxology.htm



قوله



Terjemahannya:



Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, Maha Penyayang
Kami dahulukan sebahagian maknanya
mengenai pengarang kitab ini

Tidak syak lagi pengarang kitab ini memperoleh hak dan pahala dia ialah Syeikh al-
Imam yang alim seorang wali yang besar, sempurna pengetahuannya
Sehingga sampai peringkat khutub di zamannya.

Dan termasyhur di zamannya iaitu Muhammad Abdullah Muhammad Ibnu Sulaiman al-
Jazuli as-simlali as-syarif al-Hassani.

Adalah Muhammad Abdullah Muhammad itu Radiallahu anhu.


Sementara doksologi manuskrip berkenaan pula tertulis:



Terjemahanya:

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, Maha Penyayang.
Dan Allah memberi selawat serta salam atas junjungan kita Nabi Muhammad.
Dan ke atas kaum kerabat baginda dan sahabat-sahabat baginda.
Telah berkata Syeikh wali yang saleh Sayyid Muhammad Bin Sulaiman al-Jazuli. Moga-moga Allah memberi rahmat ke atasnya dan meredhakannya.
Segala puji bagi Allah yang telah memberikan hidayat iman dan Islam kepada kita.
Dan ke atas kaum kerabat baginda dan sahabat-sahabat baginda yang memperoleh keberkatan yang mulia.
Waba'dhu. Dan kemudian daripada itu, maka tujuan kitab ini ialah menyebut (mengingati) selawat ke atas Nabi moga-moga Allah memberikan selawat dan salam ke atasnya.

Kitab Sirat al-Mustaqim pula tertulis:



الى ما اخذ من الثعابين والذقن الى اصول الاذنين كما
 في العين شرح الهداية ان زال شعر مقدم الراس بالصلح
 لا صح انه لا يجب اتصال الماء اليه كذلك للخلاصة وهو
 الصحيح هكذا في الزاهدي والاقوع الذي ينزل شعره الى
 لوجه يجب عليه غسل الشعر الذي ينزل عن الحد القاطع
 كما في العين شرح الهداية وايصال الماء الى داخل
 العينين ليس بواجب ولا سنة ولا يتكلف في الاغصان
 والفتح حتى يصل الماء الى الاشفاق وجوانب العينين كما
 في الظهيرية وعن الفقيه احمد بن ابراهيم ان غسل وجهه
 وغرض عينيه تغيبض اشده لا يجوز كذلك في المحيط ويجب
 اتصال الماء الى الما في كذلك للخلاصة ولو مدت عينه
 فرصت يجب اتصال الماء تحت الرصان بقي خارجا
 تغيبض العين والا فلا كذلك في الزاهدي وايضا الشفة ما
 يظهر منها عند الانضمام فمن الوجه وما يتكلم عند الانضمام
 فهو تبع الفم هو الصحيح كذلك للخلاصة والبياض الذي
 بين العذار وبين شحمتي الاذن يجب غسله عند
 الوضوء هكذا ذكر الحماوي في كتابه قال هو الصحيح وعليه
 اكثر مشايخنا كذلك في الذخيرة ويغسل شعر الشارب
 والناحيتين وما كان من شعر اللحية على اصل الذقن
 ولا يجب اتصال الماء الى منابت الشعر الا ان يكون الشعر
 قليلا يسيرا والمنابت كذلك في فتاوى قاضخان في النصاب

بسم الله الرحمن الرحيم
 الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على سيد
 المرسلين وعلى آله واصحابه اجمعين كتاب الطهارة
 وفيه سبعة ابواب الباب الاول في الوضوء وفيه
 خمسة فصول الفصل الاول في فرائض الوضوء قال
 الله تعالى يا ايها الذين امنوا اذا قمتم الى الصلوة فاغسلوا
 وجوهكم وايديكم الى المرافق واسجوا برؤوسكم وارجلكم
 الى الكعبين وهي اربع منها غسل الوجه الغسل هو
 الاسالة والمسح هو الاصابة كذلك الهداية في شرح
 الطحاوي ان تسيل الماء في الوضوء شرط في ظاهر
 الرواية فلا يجوز الوضوء ما لم يتقاطر الماء وعن ابى يوسف
 رحمه الله ان التقاطر ليس بشرط ففي مسألة الثلج اذا وضأ
 به ان قطر قطرتان فضا عدا يجوز اجماعا وان كان حلا
 فلي قول ابي حنيفة ومحمد رحمه الله لا يجوز وعلى قول
 ابى يوسف رحمه الله يجوز كذلك في الذخيرة والصحيح قولها
 كذلك المضمرة ولزيد كرحله الوجه في ظاهر الرواية
 كذلك البدائع في المعنى الوجه من منابت شعر الراس

Dari contoh-contoh di atas memberikan kita kepada kesimpulan awal bahawa penulis manuskrip berkenaan adalah terdiri daripada alim ulama, sama ada yang bermastautin di Nusantara ataupun di luar Nusantara. Di sisi yang lain bahawa penulis berkenaan kemungkinannya terdidik di dunia Islam terutama Mekkah dan Madinah, atau sekurang-kurangnya mendapat pendidikan daripada guru mereka yang terdidik dari Mekkah dan Madinah. Persoalan lain yang mungkin kita kemukakan ialah apakah para alim ulama berketurunan Nusantara ini cuma menulis kitab agama dan terjemahan dari kitab agama yang berbahasa Arab. Untuk menjawab persoalan ini kita harus melihat perkembangan awal kesusasteraan Melayu, kerana para alim ulama menggunakan kitab-kitab agama dan terjemahan bukan hanya sebagai memberi ilmu dan kefahaman agama Islam kepada rakyat terbanyak, malah ia sebagai sarana dakwah yang dititipkan melalui kitab-kitab tersebut, lalu tertulislah salasilah, kanun, syair, gurindam, hikayat, pesan-pesan dan lain-lain. Oleh yang demikian kebanyakan kesusasteraan Melayu Islam di peringkat awal itu mempunyai doksologi yang hampir sama dengan doksologi kitab-kitab Islam tulen yang mereka tulis. Sebagai contoh kita kemukakan beberapa doksologi berkenaan:

Sejarah Melayu:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين الذي لا اله الا هو وكان في الاول ولا شيء معه

وهو الابدي الصمدي مدبره بيده ثم خلق الخلائق ولا حاجة له

ولما اراد ازهر ربو بيته فخلق النور حبيبه ومن ذلك النور خلق الانبياء

ورفع رطبته

واصطفى منهم ادم ليظهر نوره فلذلك سجد اهملا نكته كلهم له

واضرجه من الجنة كان فيه حكمته وتفضل عليه برتبة العليا فصار خليفة

سبحان الذي تفرض بالالوهية وكان له ويقنى الخلائق بعد خلقه ويصيده

اشهد الا اله الا الله واشهد ان محمدا رسوله

اللهم صل وسلم على سيدنا صاحب اللواء الحمد ومقام المحمود ، وعلى

اله واصحابه الفائزين بيده الملائكة وانبياؤه المقصود

Terjemahannya:

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, Maha Penyayang
Segala puji-pujian bagi Allah, yang tiada Tuhan hanya Ia, dan adalah Ia pada azal, tiada
sesuatu jua pun serta-Nya.

Dan ialah Tuhan yang abadi, lagi sentiasa ada-Nya, dan tiada suatu jua pun kemudian.
Dijadikan-Nya segala makhluk, dan tiada hajat bagi-Nya.

Maka tatkala Ia hendak menyatakan ketuhanan-Nya, maka dijadikan-Nya nur kekasih-
Nya, dan daripada nur itulah dijadikan-Nya segala anbia' dan diperangkat-Nya martabat-
Nya.

Daripada anbia' itu Nabi Allah Adam, supaya menyatakan nur kekasih-Nya; maka dari
kerana itulah sujud sekalian malaikat akan dia.

Dan dikeluarkan-Nya ia dari dalam Syurga, adalah dalamnya hikmat-Nya dan
dianygerahi-Nya di bumi.

Maha suci bagi Allah yang tinggi ketuhanan-Nya dan tiada sekutu bagi-Nya, dan lagi
akan difanakan-Nya segala makhluk, kemudian dijadikan-Nya; maka dikembalikan pula.

Naik saksi aku bahawasanya tiada Tuhan hanya Allah, esa Ia, dan tiada sekutu bagi-Nya.
Bahawa Nabi Muhammad itu hamba-Nya, lagi persuruh-Nya.

Ya Tuhanku, anugerahi kiranya rahmat dan sejahtera akan penghulu kami Muhammad,
yang mempunyai *liwa il-hamdi*, dan yang mempunyai syafaat dan rahmat Allah dan
selawat atas segala sahabatnya yang berbahagia dengan memperbanyakkan sehabis-habis
kuasanya pada menghasilkan maksudnya, iaitu pada keredhaan Allah Ta'ala.

Hikayat Hang Tuah:

Bismi'llahi 'rrahmanirrahim: wabihi nasta'inu billahi-ala.

Hikayat Iskandar Zulkarnain:

Bismillahir-rahmanir-rahim wabillahi nasta'in (billahi alaihi).

Hikayat Sultan Iskandar Zulkarnain. Segala puji bagi Allah Tuhan segala alam Yang
Amat Kuasa pada berlakukan qudrat-Nya Yang Qadim, dan yang menutupi segala
kecelakaan hamba-Nya, Yang Maha Murah...

Salasilah Raja-Raja Berunai

(Manuskrip A yang dikaji oleh P. L. Amin Sweeney):

Silsilah h-r-t-r-a bi 'bi 'smi 'llahi 'r-rahmani 'r-Rahimi. Al-hamdu li 'Llahi Rabbi 'l-
'alamina wa 'l-'aqibatu li 'l-muttaqina wa 's-salatu wa 's-salamu 'ala sayyidina
Muhammadin wa alihi wa sahabihi wa sallam.

(Manuskrip B yang dikaji oleh P. L. Amin Sweeney):

Bahawasanya inilah silsilah raja-raja yang kerajaan di dalam negeri Berunai daru's-salam
yang dinyatakan oleh Datu Imam Aminuddin ibnu Orang Kaya Di Gadong
Laudin/Lewadin.

(Manuskrip kepunyaan Pengiran Sabtu Kamaluddin Bin Pengiran Bendahara Muhammad):

Alhamdulillah rabbil 'alamin, wassalatu wassalamu 'ala Sayidina Muhammad wa 'ala alihi was'habihi ajamain.

Tuhfat Al-Nafis:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ . الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِیْ خَلَقَ الدُّنْیَا وَالْآخِرَةَ

بِقُدْرَتِهِ وَارَادَتِهِ وَخَلَقَ الْاِنْسَانَ بِدِیْعَاتِهِ وَحِكْمَتِهِ

فَالْصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ عَلٰی سَیْدِنَا مُحَمَّدٍ سَیِّدِ الْاَنْبِیَاءِ وَاکْمَلِ الْخَلْقِ التَّامِ الدِّیْنِ

وَعَلٰی اٰلِهِ وَاصْحَابِهِ وَافْضَلِهِمْ اللّٰهُ عَلٰی سَائِرِ الْعَامِ

Terjemahannya:

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah, Maha Penyayang

Segala puji-pujian bagi Allah yang telah menjadikan dunia dan akhirat dengan kuasa-Nya dan kehendak-Nya dan telah menjadikan manusia yang indah-indah perbuatan-Nya dan hikmat-Nya.

Maka diiringi pula dengan rahmat Allah dan sallah Allah atas Penghulu kita Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wa Sallam.

Dan rahmat Allah dan sallah Allah atas segala keluarganya dan segala sahabatnya dan dilebihkan Allah atas segala umat yang lainnya.

Hukum Kanun Brunei (Kanun Sultan Hasan):

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِیْنَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِیْنَ وَالصَّلَاةَ وَالسَّلَامَ وَعَلٰی

سَیْدِنَا مُحَمَّدٍ سَیِّدِ الْمُرْسَلِیْنَ

وَعَلٰی اٰلِهِ وَاصْحَابِهِ اٰجْمَعِیْنَ . وَبَعْدَ فَهَذِهِ سَالَةٌ فِی بَیَانِ حُكْمِ الْقَانُونِ

فِی الْبَلَدِ هِنْدِ سَتَانَ مَلُوْكَ الْكَبِیْرِ وَالْوَزِیْرِ

Syair-syair Hamzah Fansuri (dipetik pada bahagian awal syair sahaja):

i. Minuman Para Pecinta

Raja Haqq dengan adanya
Da'im bermain dengan hambanya
Olehnya nyata dengan asmanya
Terlalu galib dengan mukanya

Ia itu raja yang raya
Bernama wahid yang kaya
Pertipu dan banyak daya
Da'im berlindung di dalam saya.

ii. Sidang Ahli Suluk:

Sidang faqir empunya kata
Tuhamu zahir terlalu nyata
Jika sungguh engkau bermata
Lihatlah dirimu rata-rata

Kenal dirimu hai anak jamu
Janganlah lupa akan diri kamu
Ilmu hakikat yogya kau ramu
Supaya terkenal 'ali adamu.

iii. Burung Pingai:

Thayr al-'uryan unggas ruhani
Di dalam kandang hadrat Rahmani
Warnanya pingai terlalu safi
Tempatnya kursi yang maha 'ali

Sungguhpun 'uryan bukannya gila
Mengaji Al-Quran dengan tertila
Tempatnya mandi saungai Salsabila
Di dalam firdaus ra'su Zanjabila.

iv. Laut Mahatinggi:

Bahr al-butun tiada bermula
Ombaknya makhfin tioada bernama
Olehnya Ahad belum terbuka
Adanya quddus suatu juga

Kuntu kanzan mulanya nyata
Hakikat ombak di sana ada
Adanya itu tiada bernama
Majnun dan Layla ada di sana.

Syair Awang Semaun:

Alhamdulillah puji-pujian
Menjadikan Rasul Nabi pilihan
Rasul jadi daripada Tuhan
Rasul nan pula menjadikan.

Di dalam kitab ada terjumlah
Hadis dan firman dikeluarkanlah
Rasul jadi daripada Allah
Ialah juga mengesakan Allah.

Syair Rakis:

Bismillah itu mula karangan
Gurindam bayu nama timangan
Kisah rancangan dagang buangan
Nestapa lara di gunung larangan.

Syair Indra Sebaha:

Bermula puji tertentu segala
Ke Hadrat Allah Subhanhu wa Ta'ala
Berkat al-nabi yang sangat mulia
Syair nan baharu dikarangkan mula

Batu Bersurat atau Batu Tarsilah

Secara dasarnya penulis melihat bahawa kedudukan batu bersurat atau batu tarsilah boleh dianggap sebagai “catatan” bertulis biarpun ia tidak menghampiri takrif manuskrip. Kedudukan batu bersurat atau batu tarsilah sebagai catatan *unicus* mengundang kita untuk mengatakan bahawa ia sebagai sumber primer dalam perkembangan dan ketamdunan bangsa Melayu sebelum Islam dan sesudah Islam. Persoalannya sekarang adakah unsur doksologi terdapat dalam batu bersurat atau batu tarsilah? Untuk menjawabnya kita perlu melihat beberapa batu bersurat atau batu tarsilah di mana-mana negara Nusantara. Sebagai bahan perbincangan, kita ajukan tiga buah batu bersurat sahaja, iaitu batu bersurat Kedudukan Bukit, Batu Bersurat Kuala Terengganu, dan Batu Tarsilah Brunei.

1. Batu Bersurat *Kedudukan Bukit (Talang Tuo)*.

Tulisan di atas batu ini dikatakan tulisan Pallalawa, yaitu tulisan yang lazim dipakai sebelum tulisan Kawi yang dulunya dipakai di Pulau Jawa. Di atas batu ini tertulis:

Swasti Syri

*Syakawarsatita 605
Ekadasyi syuklapakasya bulan
Waisyakha dapunta hiyang
Naik disambau mengalap
Siddhayatra.*

*Di saptami syuklapaksa
Bulan Jyestha dapunta hiyang
Merlepadari minanga Tamvan
(Tamvar?) memawa yang bala
dua laksa...dua
ratus tshara disambau dengan
jalan seribu telu ratus sepuluh
dua banyaknya. Datang di
Matajap (Matanya?)
sukhatsyitta.*

*Di pantsyami syukiapaksa
Bulan... laghu mudak
Dating merbuat benua
.....Syriwijaya
jayasiddhayatra subhiksa.*

Terjemahannya:

Selamat dan Bahagia

*Dalam Syaka 605, pada
sebelas haribulan terang dari
bulan Waisjakha Baginda naik
kapal mencari untungnya.*

*Pada tujuh haribulan
Terang dari bulan Djjestha
Baginda berangkat dari Muara
Tamvan (Tamvar?) membawa
Bala dualaksa dengan...
Dua ratus pawing di kapal
Dengan yang jalan kaki seribu
Tiga ratus dua belas
Banyaknya. Datang di Matajap*

(Mataya?) sukacita.

Pada lima haribulan terang daribulan.....belayar
Mudik, datang membuat
Benua... Seriwijaya, kota
Yang jaya, yang berbahagia
Dan yang makmur.

2. Batu Bersurat Kuala Terengganu.

Batu Bersurat Kuala Terengganu ini memang mencatatkan bila ia ditulis, tetapi oleh sebab di tempat tercatatnya tarikh itu didapati tidak jelas, maka kita berandaian bahawa batu bersurat ini ditulis pada tahun Masihi 702 (seperti yang jelas tercatat). Tulisan batu bersurat ini adalah seperti berikut:

*Rasullah dengan yang arwah santabi mereka.
Asa pada Dewata Mulia Raya beri hamba meneguhkan agama Islam.
Dengan benar bicara derma meraksa bagi sekalian hamba Dewata Mulia Raya.
Di Benuaku ini penentu agama Rasullullah Sallallahu 'Alaihi wa Sallam Raja.
Mandalika yang benar bicara sebelah Dewata Mulia Raya di dalam
Behumi penentua itu fardhu pada sekalian Raja Manda.
Lika Islam menurut setitah Dewata Mulia Raya dengan benar.
Bicara berbahiki benua penentuan itu maka titah Seri Paduka.
Tuhan mendudukkan tamra ini di benua Terengganu adi pertama ada.
Jumaat di bulan Rejab di tahun Saratan di sasanakala.
Baginda Rasulallah telah lalu Tujuh Ratus Dua.*

3. Batu Tarsilah Brunei.

Batu Tarsilah Brunei ini mencatatkan Salasilah Raja-Raja Brunei. Ia ditulis oleh Khatib Haji Abdul Latif. Batu Tarsilah ini adalah sebahagian daripada batu nisan Makam Sultan Omar Ali Saifuddin II yang terletak di Makam Diraja, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Batu Tarsilah Brunei ini ditulis pada Hijriah 2 Dzulhijjah 1221. Berikut diperturunkan sebahagian dari catatan Batu Tarsilah tersebut:

Inilah salasilah Raja-Raja yang kerajaan di Negeri Brunei dinyatakan oleh Datu Imam Yaakub, ia mendengar daripada Marhum Bungsu yang bernama Sultan Muhyiddin dan Paduka Maulana Sultan Kamaluddin. Kedua-dua Raja itu menyuruh menyuratkan datuk-nenek moyangnya supaya diketahui oleh segala anak cucunya sampai sekarang ini, wallahu'alam... (dan seterusnya).

Batu-batu bersurat di atas jelas menunjukkan terdapat period kewujudan atau tertulisnya batu-batu bersurat tersebut. Batu bersurat di Kedudukan Bukit tertulis ketika penguasanya dan masyarakatnya belum menerima Islam. Justeru tidak ada sepelekal kalimat agama Islam diguna pakai, lantas kita tidak dapat mengandaikan adanya doksologi di atas batu tersebut. Dari andaian ini, kemungkinan besar manuskrip Melayu tua sudah ada, dan ia ditulis bukan sahaja pada batu malah kepingan-kepingan pelapah

atau daun lontar. Hal ini terbukti bahwa bahasa Melayu tua/kuno memang ditulis di daun-daun lontar.

Batu bersurat Kuala Terengganu ditulis pada zaman awal Islam di Terengganu, dan Batu Tarsilah Brunei jelas menunjukkan ia ditulis ketika kepesatan Islam di Brunei. Batu bersurat Kuala Terengganu memang diakui terdapatnya “unsur” doksologi, mana kala Batu Tarsilah Brunei tidak demikian, namun cerita tentang Islam negeri Brunei dicatatkan dalam Batu Tarsilah tersebut. Mengapa Batu Tarsilah Brunei ini tidak mengandung doksologi sedang penulisnya adalah kalangan agama? Dan jika dibandingkan dengan manuskrip Salasilah Raja-Raja Brunei doksologi memang ada!

Kegunaan Doksologi

1. Menandakan rasa kesyukuran, mendapat keberkatan dan petunjuk daripada Allah Subhanhu wa Ta’ala. Di samping mendapat ganjaran yang baik atas selawat yang kita sampaikan kepada Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alahi wa Sallam.
2. Untuk menunjukkan identiti manuskrip; Manuskrip Agama, Hukum Hakam, Hikayat, Kesusasteraan dan seumpamanya.
3. Untuk menunjukkan latar belakang pendidikan penulisnya, sama ada ulama, penulis (sasterawan, sejarawan), atau pangsura.
4. Bagi memperlihatkan egosentrik sama ada tentang penulisnya, tempat, salasilah atau penonjolan epik sesuatu bangsa.
5. Menjadi salah satu bukti pengukuhan manuskrip berkenaan sebagai manuskrip tunggal atau asli (codex unicus). Dan dapat membezakan sesuatu kajian manuskrip, sama ada manuskrip berkenaan sebagai satu “kajian landasan manuskrip” atau “kajian gabungan manuskrip”, dan lain-lain.
6. Doksologi manuskrip agama mencerminkan bahawa isi kandungannya terhindar daripada unsur metos dan legenda.
7. Kehadiran doksologi dalam dapatan kajian ilmu atau buku merupakan suatu perjanjian dan pegangan bahawa setiap apa yang kita kemukakan dalam kajian atau buku itu merupakan dapatan yang dipertanggungjawabkan, dan mempunyai manfaatnya kepada khalayak.

Doksologi dalam penulisan moden sudah tidak mempunyai tempat, ia diperkirakan sebagai sesuatu yang sudah tidak relevan dan tidak menunjang kepada pokok persoalan yang hendak dikemukakan. Mengapa terjadi demikian, antara sebabnya:

1. Doksologi dianggap suatu tulisan yang klise yang cuma dimiliki oleh golongan ilmunan konservatif.
2. Doksologi bukan sebagai syarat tinggi rendahnya mutu sesebuah tulisan, justeru ia lebih baik diganti dengan dedikasi sahaja. Misalnya sesebuah buku itu ditulis di permukaan awal halamannya dengan beberapa kalimat tertentu (tergantung apa kemahuan penulisnya) seperti *Untuk X*, *Kenangan Untuk Y*, *Suatu Memori Untuk Guruku*, dan lain-lain.

3. Doksologi hanya kerap terucap dalam ucapan, pada hal ucapan dan tulisan adalah satu tujuan yang sama. Malah jika doksologi itu ditulis ia lebih panjang manfaatnya, kerana ia boleh dibaca atau diambil iktibar oleh generasi kemudian.
4. Faktor pendidikan moden yang melihat doksologi bukan kaedah moden, ia sesuatu yang tidak relevan dalam membicarakan pokok persoalan, anjuran, ajaran, dan dapatan ilmu dalam sesebuah kajian dan penerbitan buku.
5. Pemuka-pemuka yang terdidik dengan sistem pendidikan sekular tidak merujuk rujukan Islam atau rujukan kitab Islam sebagai sebahagian daripada rujukan mereka, jauh sekali Al-Quran.
6. Sebahagian sarjana moden merasa rendah diri jika buku mereka bermukadimah dengan kata pujian kepada Allah Subhanhu wa Ta'ala dan berselawat ke atas Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi wa Sallam.

Biarpun begitu, elemen di atas mungkin dipengaruhi oleh kaedah terdahulu dalam pengkatalogan manuskrip yang dipelopori oleh sarjana Barat. Antaranya kita perhatikan bagaimana pengkatalogan yang dibuat oleh M. R. James (1875), L. Delisle (1910), H. Degering (1933) dan K. Loffler bersama J. Kirchner (1935-37). Dan demikian juga apa yang dibuat oleh Juynboll (1899), Van Ronkel (1909), Greentree dan Nicholson (1909), dan Ricklefs dan Voorhoeve (1977) yang membuat katalog manuskrip-manuskrip Melayu. Carta I dan II di bawah dapat memberi gambaran betapa doksologi tidak diperhatikan dalam pengkatalogan manuskrip oleh sarjana Barat.

Carta I

JAMES	DELISLE	DEGERING	LOFFLER & KIRCHNER
Tanda Pengenalan MS.	Tanda Pengenalan MS.	[Tanda Pengenalan] MS?	Tanda Pengenalan MS.
Bahan (kertas, kulit dsb.)	Judul	Bahan	Sejarah
Ukuran	Kandungan	Tarikh	Bahan
Jumlah baris	Bahasa	Halaman	Gaya tulisan
Penjilidan	Bilangan folio	Ukuran	Bilangan folio
Bilangan folio	Ukuran	Gaya tulisan	Kolasi
Kolasi	Gaya tulisan	Jumlah baris	Jumlah ruang
Sejarah	Jumlah ruang	Jumlah ruang	Jumlah baris
Kandungan	Perhiasan	Perhiasan	Perhiasan
Perhiasan	Sejarah	Sejarah	Penjilidan
	Penjilidan	Kandungan	Kandungan
	Kandungan		Tajuk-tajuk
	Rujukan kepada maklumat mengenai MS.		Incipit
			Explicit
			Kolofon
			Bahasa

Carta II

JUYNBOLL VAN RONKEL GREENTREE, & RICKLEFS &
 NICHOLSON VOORHOEVE

Tanda Pengenal MS. Judul	Tanda Pengenal MS. Judul	Tanda Pengenal MS. Judul/Catatan mengenai kandungan	Tanda Pengenal MS. Judul/Catatan mengenai kandungan
Edisi terbitan	Ukuran	Tarikh	Pengarang/ Jurutulis/atau tuanpunya
Terjemahan	Halaman	Kandungan	Tarikh dan tempat penulisan
Ms.-Ms. lain di tempat-tempat lain	Jumlah baris	Sejarah	Halaman
Rujukan kepada penerbitan- penerbitan	Huraian	Huraian teknik i. Ukuran luar ii. Jenis penjilidan iii. Bahan iv. Jumlah halaman dan kuras v. Perhiasan vi. Gaya tulisan	Bahan
Huraian	Ms.-Ms. lain di tempat- tempat lain		Jumlah baris sehalaman Catatan mengenai perhiasan Keadaan ms. jika tidak memuaskan Perolehan oleh institusi Rujuk silang kepada ms.-ms. lain dan penerbitan- penerbitan

Cadangan

1. Kepentingan dan bagaimana kaedah penulisan Islam haruslah ditonjolkan di institusi pengajian tinggi, iaitu sebagai perbandingan dengan kaedah penulisan yang ada sekarang.
2. Di institusi pengajian tinggi kursus Tamadun Islam haruslah dijadikan kursus penting yang di dalamnya termasuk peranan dan penguasaan tulisan Jawi. Kerana manuskrip Islam – Melayu yang terhimpun di Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah ini tidak akan dapat dimanfaatkan oleh sarjana tempatan jika tulisan Jawi tidak dikuasai.
3. Pihak-pihak yang berwajib haruslah berusaha bagi mengembalikan manuskrip-manuskrip kita yang tersimpan di luar negeri. Jika tidak secara murni, elok dilakukan secara edisi diplomatik.
4. Sebuah jawatankuasa pakar harus ditubuhkan untuk meneliti semua manuskrip yang tersimpan di Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah, iaitu bagi meneliti dan mengkategorikan sama ada manuskrip yang tersimpan di balai tersebut merupakan manuskrip tunggal (codex unicus), atau manuskrip yang sifatnya manuskrip landasan, manuskrip gabungan dan seumpamanya.
5. Manuskrip Islam Brunei yang berada di luar negeri terutama Kanun Sultan Hasan atau Hukum Kanun Brunei, dan mana-mana manuskrip Islam yang ditulis oleh orang Brunei wajar di tempatkan di sini, iaitu sesuai dengan kedudukannya sebagai balai atau himpunan koleksi Islam.
6. Pihak-pihak yang berwajib haruslah memberi peluang yang secukupnya dan memberi imbuhan berpatutan kepada pengkaji tempatan (sama ada secara solo atau gabungan dengan pakar luar negeri) yang dapat menghasilkan kajian mereka terhadap mana-mana manuskrip pilihan di Balai Pameran Islam Sultan Hassanah Bolkiah, dan penerbitannya dibiayai oleh kerajaan.

Bibliografi

- A.Rahman Kaeh, 1987, "Metodologi Filologi: Langkah-langkah Penyuntingan Teks", dalam *Dewan Sastera*, Nov. 1987.
- A. Samad Ahmad, (ed.), 1986, *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi W. M., 1995, *Hamzah Fansuri Risalah Tasawuf dan Puisi-puisinya*, Bandung: Penerbit Mizan.
- Abu Hassan Sham, 1984, "Kajian Teks Klasik Secara Ilmiah", dalam *Dewan Sastera*, Dis. 1984.
- Awang Muhammad Jamil Al-Sufri, Haji, P. O. K. Amar Diraja, 1990, *Tarsilah Brunei*, Pusat Sejarah Brunei: Brunei Darussalam.
- Ding Choo Ming, 1977, "Skriptoria Melayu", dalam *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hashim Bin Haji Abd. Hamid, Dr. Haji, 1994, *Riak Sastera Darussalam*, Kuala Lumpur: Hikmat Enterprise.
- Hashim Bin Haji Abd. Hamid, Dr. Haji, 2002, *Bicara Sastera Brunei*, Universiti

- Brunei Darussalam: Brunei Darussalam.
- Hashim Bin Haji Abd. Hamid, Dr. Haji, 2004, *Titipan Bawah Peningkah*,
Universiti Brunei Darussalam: Akademi Pengajian Brunei.
- Howard J. H., 1966, *Malay Manuscripts: a Bibliographical Guide*, Kuala Lumpur:
University of Malaya Library.
- Ismail Hamid, 1984, "Suatu Koleksi Naskhah Islam Di Muzium Brunei", dalam
Dewan Sastera, Dis. 1984.
- Muhammad Yusoff Hashim, 1988, *Persejaraan Melayu Nusantara*, Kuala
Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd.
- Muhammad Yusoff Hashim, (ed.), *Syair Sultan Maulana: Suatu Penelitian
Kritis Tentang Hasil Persejaraan Melayu Tradisional*, Kuala Lumpur:
Penerbit Universiti Malaya.
- Overbeck, H, 1926, "Malay Manuscripts in the public libraries in Germany", dalam
JMBRAS vol. 4, pt. 2.
- Siti Hawa Salleh, (ed.), 1987, *Cendekia Kesusasteraan Melayu Tradisional*, Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Virginia Matheson Hooker, (ed.), 1991, *Tuhfat Al-Nafis*, Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa dan Pustaka,
- Winstedt, R. O., 1920, Malay manuscripts in the libraries of London, Brussels and
The Hague, dalam *JSBRAS*, 82.

*Barong-Barong Pabalat,
No. 29, Simpang 1761-30,
Kampung Tanjung Nangka, BG2321,
Negara Brunei Darussalam.*

2 Muharram 1425

23 Februari 2004